

→ KERJAYA

Karnival UMP tawar 10,000 peluang kerja



(FOTO ASROL AWANG/BH)

Info

UMP-Industry HR Consortium 2018

→ Mereka yang berminat menyertainya boleh hubungi urus setia di 09-5492637 atau FB: UMPMalaysia dan carefairump2018.

Chooi Beng menunjukkan risalah Karnival Kerjaya UMP diadakan di Dewan Astaka UMP, Kuantan, selama dua hari bermula hari ini.

kriteria diperlukan industri.

40 syarikat terbabit

Katanya, karnival itu membabitkan 40 syarikat menyediakan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam sektor masing-masing.

"Antara syarikat terbabit ialah Bosch Malaysia, Mercedes-Benz Malaysia Sdn Bhd, Basf Petronas Chemical Sdn Bhd, Maxtrex Tyre Manufacturing Malaysia Sdn Bhd, Sunway Properties, Hong Leong Manufacturing Group dan Sunway Properties.

"Sepanjang karnival ini juga, pengunjung boleh mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar secara terus.

"Ia membantu pengunjung mempersiapkan diri dan bersedia sebelum menghadiri sesi temu duga sehingga berjaya dilamar majikan," katanya.

Chooi Beng berkata, karnival turut menyediakan pelbagai aktiviti berkaitan pembangunan pelajar sebagai persediaan mereka melangkah ke alam pekerjaan seperti bulan kerjaya, ceramah perindustrian dan temuduga secara langsung.

"Kita juga percaya karnival ini akan menjadi platform dan pe rangsang kepada pelajar serta masyarakat untuk mengambil peluang mendapatkan pekerjaan.

"Pencari kerja dapat berhubung secara terus dengan bakal majikan

dan boleh bertanyakan mengenai skop pekerjaan sesuai dengan mereka.

"Saya juga harap pelajar tahun akhir dapat mengambil peluang ini untuk bertemu wakil industri bagi mendapatkan maklumat dalam merancang pemilihan kerjaya bersesuaian kelayakan akademik dan minat masing-masing," katanya.

Sementara itu, Pengarah CPDC, Dr Siti Zubaidah Sulaiman, berkata pihaknya akan melancarkan UMP-Industry HR Consortium 2018 yang bekerjasama berkaitan penyaluran maklumat dan informasi terkini serta mengukuhkan hubungan dua hala antara UMP dan industri.

nan dan Penempatan Kerjaya (CPDC) di Dewan Astaka UMP Gambang selama dua hari bermula hari ini hingga Ahad.

Karnival terbuka kepada semua golongan, termasuk lepasan sekolah, graduan universiti, pekerja di-bahentikan dan mereka yang mencari pekerjaan baharu.

Selain pameran kerjaya dan temu duga terbuka, aktiviti lain yang disediakan ialah khidmat nasihat kerjaya bermula jam 9 pagi hingga 4.30 petang.

Penasihat CPDC, Datuk Jeffrey Chooi Beng, berkata karnival itu membolehkan pelajar mencari peluang pekerjaan sesuai dengan kelayakan masing-masing di samping memperoleh maklumat mengenai

→ Program sedia maklumat diperlukan industri

Oleh Asrol Awang
cnews@nstp.com.my

► Kuantan

Sebanyak 10,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang ditawarkan pada Karnival Kerjaya Universiti Malaysia Pahang (UMP) - Universiti ke Industri anjuran Pusat Pembangu-